

Kata Majmuk

Arahan: Lengkapkan tempat kosong dengan kata majmuk Yang betul.

papan tanda

air terjun

plastik sampah

Botol plastik

sarung tangan

kereta sorong


bangku kayu

taman rekreasi

orang ramai

pokok bunga

Pada hari Sabtu, anggota Kelab Alam Sekitar Sekolah Kebangsaan Taman Perling dengan penduduk Taman Selesa bekerjasama untuk membersihkan (1) _____. Biasanya tempat itu menjadi tumpuan (2) _____ untuk berkelah pada hari minggu atau cuti umum kerana di situ terdapat (3) _____.



Idzwan dan beberapa orang rakannya menyertainya. Mereka dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Idzwan dan rakan-rakannya diminta memakai (4) _____ sebagai langkah keselamatan. Idzwan dan rakannya menyapu sampah. Sampah itu dimasukkan ke dalam (5) _____. Encik Sarjit mengangkut sampah itu dengan (6) _____ untuk dibuang ke dalam tong yang dikhaskan untuk pembuangan sampah. (7) _____ pula dimasukkan ke dalam tong kitar semula yang terdapat di situ.

Ayah Idzwan dan jirannya memasang (8) _____ yang meminta masyarakat menjaga kebersihan. Selain itu, mereka juga membaiki dan mengecat (9) _____ yang sudah rosak. Puan Sarah pula menanam (10) _____.